



YAYASAN

YAYASAN RISDA

No Syarikat : 1170062 – M
Ditubuhkan di Malaysia



PENERAH KEMAHAN
PEPERBUK KECOH

Bil.(29)dlm YR-01/9240.00

18 Disember 2023

**Semua Pegawai dan Kakitangan
Yayasan RISDA**

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

**ARAHAN KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF BILANGAN 6 TAHUN 2023
MENERIMA PAKAI ARAHAN PENTADBIRAN RISDA HOLDINGS SDN. BHD. (RHSB)
BILANGAN 9 TAHUN 2023
- PENAMBAHBAIKAN TERMA PERKHIDMATAN KUMPULAN RISDA HOLDINGS
MENGENAI KENAIKAN GAJI TAHUNAN KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF**

Perkara di atas adalah dirujuk.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa Mesyuarat Lembaga Pemegang Amanah Kali Ke-19 pada 5 Disember 2023 telah bersetuju meluluskan dan menerima pakai Arahan Pentadbiran RISDA Holdings Sdn. Bhd. (RHSB) Bilangan 9 Tahun 2023 berhubung Penambahbaikan Terma Perkhidmatan Kumpulan RISDA Holdings Mengenai Kenaikan Gaji Tahunan Ketua Pegawai Eksekutif.

3. Mesyuarat Jawatankuasa Perjawatan dan Pencalonan Imbuhan Bilangan 1/2023 telah menambahbaik Arahan Pentadbiran Bilangan 1 Tahun 2023 mengenai Kenaikan Gaji Tahunan bagi Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan/Ketua Pegawai Eksekutif/Ketua Eksekutif dalam Kumpulan RISDA Holdings.

4. Kadar maksimum Kenaikan Gaji Tahunan bagi Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan/Ketua Pegawai Eksekutif/Ketua Eksekutif dalam Kumpulan RISDA Holdings adalah setakat 9% dan akan ditentukan berdasarkan markah prestasi seperti berikut:

BIL.	MARKAH PRESTASI	KADAR KENAIKAN GAJI
1.	99%	9%
2.	98% hingga 98.99%	8%
3.	97% hingga 97.99%	7%
4.	96% hingga 96.99%	6%
5.	95% hingga 95.99%	5%
6.	85% hingga 94.99%	4%
7.	80% hingga 84.99%	3%
8.	70% hingga 79.99%	2%
9.	Kurang atau sama dengan 69.99%	Tiada kenaikan gaji

5. Kenaikan Gaji Tahunan bukanlah automatik tetapi ianya tertakluk kepada prestasi Kumpulan RISDA Holdings, markah penilaian prestasi Ketua Pegawai Eksekutif dan juga syarat-syarat lain yang telah ditetapkan.

6. Arahan ini adalah berkuat kuasa mulai 1 Januari 2024.

Sekian, terima kasih.

جزاك الله خيرا

'BECAUSE WE DARE'


WAN MOHD HAFIZ BIN WAN IBRAHIM
KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF
YAYASAN RISDA